



SIARAN MEDIA

30 PROGRAM LATIHAN PENGURUSAN TENAGA & AMALAN INDUSTRI HIJAU DI KARNIVAL PEKERJAAN HIJAU

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) menawarkan 30 program latihan berkaitan pengurusan tenaga dan amalan industri hijau pada Karnival Pekerjaan Hijau (*Green Jobs Carnival*), di Bangi, hari ini.

Program yang diadakan menerusi Akademi Greentech itu bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja mahir bagi sektor teknologi hijau. Program ini diadakan secara berkala oleh MGTC melibatkan 50 rakan kongsi korporat dan agensi Kerajaan berkaitan seperti PERKESO dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Karnival ini turut mempromosikan portal pekerjaan hijau menerusi greenjobsmalaysia.my yang boleh diakses secara percuma. Sejumlah 962 syarikat telah menyenaraikan sebanyak 10,915 pekerjaan hijau menerusi portal tersebut.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam YB Nik Nazmi Nik Ahmad turut menghadiri sesi dialog bersama belia bersempena program ini. Katanya, usaha ini merupakan salah satu komitmen NRES dalam menyokong inisiatif pembangunan kemahiran bagi sektor teknologi hijau selaras dengan sasaran negara di bawah Pelan Induk Teknologi Hijau, 2017-2030 (GTMP) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Ujarnya lagi, Kementerian menyambut baik sokongan pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan serta penglibatan proaktif dalam kalangan pemain industri bagi mewujudkan pekerjaan yang menyumbang kepada pertumbuhan hijau negara.

Pada masa yang sama, Nik Nazmi juga melancarkan program latihan sendiri dalam talian iaitu *Green Technology and Climate Change Essentials*, yang mengandungi 50 topik penting berkaitan perubahan iklim dan teknologi hijau.

Program latihan tersebut berupaya memberikan pengetahuan asas mengenai isu-isu kelestarian masa kini, sekaligus meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai amalan kelestarian di peringkat komuniti mahupun organisasi.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

1 JUN 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

    nresmalaysia